



**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI AHMAD
TUKANG MASAK SELEBRITI CHEF**

**OLEH :
AINORSYAFIQAH BINTI MOHAMAD YUSOF (2012953849)
WAN NUR PUTRI BINTI MOHAMAD IDRIS (2012550303)
EZZATUL AISHA BINTI MOKHTAR (2012150015)**

**PROJEK DIMAJUKAN KEPADA FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, SEGAMAT
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN
IMR 604 : SEJARAH LISAN
SEMESTER 5 (MAC 2014-JULAI 2014)**

ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
PENGHARGAAN	1
1.0 ABSTRAK	3
2.0 SINGKATAN	5
3.0 BIODATA PENEMU BUAL	7 – 9
4.0 PENGENALAN	11 – 12
5.0 TRANSKRIP WAWANCARA	14 – 77
6.0 LOG WAWANCARA	79 – 84
7.0 KRONOLOGI (DIARI)	86 – 95
8.0 BIODATA TOKOH	97
9.0 SENARAI SOALAN WAWANCARA	
➤ ORENTASI	99 – 100
➤ UMUM	101 – 103
➤ SPESIFIK	104 – 109
10.0 RALAT	111
11.0 SENARAI RUJUKAN	113
12.0 LAMPIRAN	115 – 121
13.0 INDEKS	123 - 127

Penghargaan

Assalamualaikum. Terlebih dahulu kami, Ainorsyafiqah binti Mohamad Yusof, Ezzatul Aisha Binti Mokhtar dan Wan Nur Putri Binti Mohamad Idris ingin panjatkan rasa kesyukuran kami ke atas Allah s.w.t kerana memberi kami pertolongan, kemudahan, kekuatan dan kesabaran dalam mengakhirkan perjalanan tugas bagi Projek Sejarah Lisan ini.

Seterusnya, jutaan terima kasih kami kepada pensyarah kami bagi subjek IMR 603 (Documenting Oral History - Dokumentasi Sejarah Lisan) iaitu Encik Mohd Faizal bin Mohd Ramsi, kerana telah memberi sepenuh ilmu dalam mengajar subjek ini, membimbing kami sepanjang projek sejarah lisan ini berjalan, memperbetulkan segala kesilapan dan kesalahan yang kami tidak sedari serta memberikan sepenuh dorongan dalam mengakhiri projek ini dengan jayanya.

Tidak dilupa jutaan penghargaan dan terima kasih kepada tokoh yang sudi meluangkan masa dan ketika bersama kami dalam menjayakan projek ini, iaitu Dato' Haji Ismail bin Haji Ahmad. Sikap peramah beliau dan sikap yang senantiasa mempunyai misi dan visi dalam hidup membuatkan kami amat menyanjunginya. Selain itu, terima kasih juga kami ucapkan kepada pembantu peribadi beliau iaitu Encik Firdaus Aziz kerana begitu banyak membantu seawal proses seperti membuat temujanji untuk bertemu Dato' Haji Ismail bin Haji Ahmad, sewaktu menetapkan masa dan tarikh dan juga menjadikan segala proses temubual berjalan lancar hingga ke akhirnya.

Akhir sekali, kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak secara langsung mahupun tidak langsung iaitu kepada ibu dan bapa kami, ahli-ahli keluarga kami serta rakan-rakan seperjuangan kami yang turut memberikan dorongan dan kekuatan dalam mengakhirkan perjalanan projek ini.

Sekian , terima kasih.

1.0 Abstrak

Transkrip temubual bersama Dato' Haji Ismail bin Haji Ahmad mengenai pembabitan beliau dalam bidang masakan.

Abstrak : Transkrip ini mengandungi temubual bersama Dato' Haji Ismail bin Haji Ahmad mengenai kerjaya beliau dalam bidang masakan yang sudah begitu lama beliau ceburi. Transkrip temubual ini dijalankan di restoran rebung milik beliau dan rakan kongsi beliau iaitu Datuk Sheikh Muzasphar Shukor iaitu angkasawan negara. Restoran ini bertempat di Jalan Maarof Bangsar. Rakaman ini dijalankan pada 16 mei 2014 bermula pada jam 3 petang. Beliau merupakan seorang tokoh yang begitu hebat di persada seni masakan, bukan sahaja sebagai salah seorang chef selebriti, pemilik restoran ternama, pengacara program, duta-duta produk malah pernah menjadi seorang pendidik dalam bidang masakan ini. Transkrip ini menyentuh sedikit latar belakang beliau, pengalaman, sumbangan dan penglibatan beliau lebih mendalam bukan sahaja melibatkan diri sendiri malah masyarakat. Selain itu, beliau bukan sahaja terkenal di dalam negeri malah beliau turut terkenal di peringkat antarabangsa. Beliau bukan sahaja berbangga membawa nama Malaysia malah beliau turut membawa masakan tradisi Malaysia di persada dunia.

2.0 SINGKATAN

**MATRADE – KEMENTERIAN PELANCONGAN PERBADANAN
PEMBANGUNAN PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA**

MIHAS - MALAYSIA INTERNATIONAL HALAL SHOWCASE

HAB - HALAL AUTHORITY BOARD

LKIM - LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA

IPTA - INSTITUT PENGAJIAN TINGGI AWAM

IPTS - INSTITUT PENGAJIAN TINGGI SWASTA

UITM - UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

NGO - NON GOVERNMENT ORGANIZATION

KFC - KENTUCKY FRIED CHICKEN

ITM - INSTITUT TEKNOLOGI MARA

UITM - UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

MARA - MAJLIS AMANAH RAKYAT